



## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

### SIARAN MEDIA

#### HARI SUKAN NEGARA AKAN DISAMBUT PADA 14 OKTOBER 2023

---

1. **Majlis Perasmian Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2023** akan diadakan pada **14 Oktober 2023 (Sabtu)** bertempat di **Pekarangan Istana Kehakiman, Putrajaya** yang akan disempurnakan oleh **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri**. Penganjuran Hari Sukan Negara Peringkat Negeri dan Bahagian di negeri Sarawak **diselaraskan semula ke 28 Oktober 2023 (Sabtu)** bagi menghormati Sambutan Ulang Tahun Kelahiran TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak.
2. Dengan mengetengahkan tema **#FitMalaysia** dan **#HSN2023**, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) akan **menganjurkan pelbagai program dan aktiviti** sukan dan rekreasi di **peringkat daerah, negeri dan kebangsaan bermula 13 hingga 15 Oktober 2023** dengan sasaran penyertaan **seramai 4.5 juta orang** di seluruh negara.
3. Hari Sukan Negara (HSN) merupakan **agenda nasional** yang disambut **secara tahunan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober** dengan hasrat **membudayakan sukan** dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif selaras dengan kerangka **Malaysia MADANI** dan **Visi Sukan Negara 2030**.
4. Bagi tahun 2023, HSN akan disambut pada **14 Oktober 2023 (Sabtu)** dengan objektif berikut:

- 4.1 memberikan kesedaran akan kepentingan **gaya hidup aktif dan cergas** menerusi aktiviti sukan, fizikal dan seumpamanya;
  - 4.2 meningkatkan **penglibatan rakyat** dalam aktiviti sukan dan rekreasi seterusnya **memperkukuhkan pembudayaan sukan** dalam kalangan masyarakat;
  - 4.3 memperkukuhkan **semangat perpaduan dan integrasi nasional** menerusi aktiviti sukan dan rekreasi; dan
  - 4.4 menyuntik sinergi **pembangunan ekonomi** menerusi **penerokaan industri sukan dan rekreasi** seterusnya memberikan **impak positif** kepada negara.
5. Sehubungan itu, KBS menyeru semua pihak untuk bersama-sama **memeriahkan penganjuran HSN** termasuklah menerusi **pelaksanaan program dan aktiviti** sukan dan rekreasi di peringkat masing-masing. Cadangan pelaksanaan program dan aktiviti boleh didaftarkan secara dalam talian di portal <https://www.harisukannegara.my/>
6. KBS turut mengalu-alukan mana-mana pihak terutamanya pihak **pertubuhan bukan kerajaan (NGO), korporat dan swasta** untuk bersama menyokong dan menyertai sambutan HSN melalui **kerjasama strategik**. Cadangan kerjasama boleh dihantar menerusi e-mel [hsn@kbs.gov.my](mailto:hsn@kbs.gov.my).
7. Sekiranya orang ramai atau mana-mana pihak **memerlukan maklumat** atau **mempunyai pertanyaan** mengenai penganjuran HSN, sila hubungi Sekretariat HSN di talian **03-8871 3183/ 3242** atau e-mel [hsn@kbs.gov.my](mailto:hsn@kbs.gov.my)

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**5 SEPTEMBER 2023**